

14/04/1999

Usah terpengaruh hujah Dr Hassan

Anak Patriotik Malaysia

KEMUNCULAN Datuk Dr Hassan Ali dalam gelanggang politik Pas walaupun dianggap `menguntungkan' kumpulan itu, tetapi tindakan beliau kini tidak lebih daripada kesinambungan budaya mencemuh dan menyebarkan fitnah terhadap pemimpin Umno.

Jawatankuasa bertindak membendung fitnah Umno harus mengawasi kelantangan Dr Hassan setiap sesi ceramahnya. Saya tidak faham kenapa beliau sanggup membelakangkan segala kemakmuran negara yang dinikmati sekian lama dengan bertindak meniadakan segala usaha murni pembangunan yang dibawa pemimpin Umno meskipun landasan yang beliau buat bukanlah saluran yang begitu tepat untuk menyuarakan hasrat politik yang tersirat dan tersurat itu.

Setiap sesi ceramahnya, beliau langsung tidak ada patriotisme. Apa saja yang ada di sekelilingnya yang mana beliau boleh bergerak bebas tanpa ancaman ketika mengadakan ceramahnya adalah hasil daripada sikap kerajaan Barisan Nasional (BN) yang liberal ditunjangi Umno.

Saya bukanlah anti beliau malah pernah mengagumi kebolehan beliau dalam bidangnya sendiri. Sebagai `public figure' beliau sepatutnya menjuruskan kebolehan dan bakat yang ada pada landasan dan saluran yang tepat. Selaku seorang yang berkarisme tinggi, kenapa kalah dengan kehendak naluri oportunistik.

Apa yang jelas tindakan beliau hanyalah semata-mata mengambil kesempatan di atas segala kekecewaan dalam negara untuk membina platform politik dan populariti sendiri. Isu bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM) menjadi modal setiap kali kempen ceramahnya. Beliau begitu bangga dan megah dengan kehadiran penonton melebihi 10,000 orang itu.

Itu membuktikan beliau masih ada populariti, bukan disebabkan beliau masuk Pas atau menggunakan platform Pas. Dulu kita begitu mengagumi personaliti beliau sebagai tokoh motivasi dan sering ke udara dalam pelbagai rancangan RTM dan TV3.

Selepas itu beliau keluar pula dengan konsep Summer Camp. Apakah disebabkan pelucutan bekas TPM beliau turut teras bahunya? Saya tidak nampak kenapa harus bertindak melulu kerana sikap taksud dengan seseorang individu dengan membelakangkan kepentingan negara.

Cara beliau berceramah begitu `menyakitkan hati'. Semua yang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad buat termasuk Umno keseluruhannya salah. Secara terang-terang pula beliau meminta penduduk Selangor mengundi beliau untuk menjadi Menteri Besar menggantikan Datuk Abu Hassan Omar.

Saya bukan penyokong Umno mahupun mana-mana pihak yang kepentingan dalam parti masing-masing sebaliknya saya lebih suka melihat kemakmuran dan kestabilan negara berterusan. Saya tidak menyanggah jika Dr Hassan mahu jadi ahli politik untuk memperjuangkan agenda peribadinya, tetapi biarlah ada realitinya.

Saya ingin menyeru pembaca supaya meletakkan kepentingan negara menjadi agenda nombor satu dan tidak mudah terpedaya dengan agenda politik peribadi Dr Hassan. Saya juga amat kecewa dengan segala cacian dan tohmahan beliau terhadap Dr Mahathir. Sedangkan beliau lupa segala yang beliau kecapi sebelum gawat dan selepas gawat adalah hasil usaha Dr Mahathir.

Segala yang saya baca mengenai taktik Pas, tidak ada yang menjuruskan ke arah perpaduan nasional terutama dalam keutuhan bangsa Melayu sendiri sebaliknya mereka melancarkan manifestasi cacian dan tohmahan yang

melampau sama ada melalui ceramah mahupun akhbar Harakah mereka.

Apa yang berlaku di Indonesia sudah cukup sebagai pengajaran kepada kita. Jangan jadikan negara kita ini padang jarak padang tekukur disebabkan sikap ingin berkuasa pihak terbabit. Saya mungkin tidak tahu agenda tersembunyi di sebalik penyertaan beliau dalam Pas. Tetapi apa yang nyata, beliau guna Pas dan Pas guna beliau sebagai jentera penggempur menjelang pilihan raya umum akan datang.

Apa faedah yang beliau dapat? Wallah hualam. Keputusannya hanya selepas pilihan raya umum nanti. Umno dan BN amnya jangan pandang remeh usaha Dr Hassan untuk menguasai beberapa kerusi DUN di Selangor terutama pengundi yang tercorot dari arus pembangunan negara. Isu begini boleh mempengaruhi penyokong Umno apabila mereka tidak mendapat tahu serta gambaran sebenar mengenai isu semasa yang dibangkitkan Pas ketika berkempen.

Untuk merealisasikan kedudukan Dr Hassan dalam pilihan raya akan datang beliau awal-awal lagi turun padang untuk test market - meminjam istilah yang pernah beliau gunakan sewaktu berceramah.

Selaku orang luar daripada suku-sakat Umno dan Pas, saya lebih menitikberatkan keharmonian negara daripada memenuhi agenda politik huru-hara yang cuba dibawa oleh Pas sekian lama. Apa yang saya singkap mengenai wadah perjuangan Pas tidak lebih kepada taktik pecah dan perintah - amalan kolonisme yang pernah menjajah Tanah Melayu dulu.

Apakah dengan menjatuhkan Dr Mahathir daripada kerusi PM akan membuat mereka gembira? Apakah permusuhan politik Pas dan Umno tidak membawa implikasi buruk terhadap perpaduan orang Melayu? Saya rasa Dr Hassan lebih arif mengenai semua ini.

Apakah Dr Hassan lebih selesa hidup dalam suasana ketakutan dan bermusuhan dan saling curiga-mencurigai sebagaimana berlaku zaman komunisma dulu? Mungkin beliau lupa peristiwa 13 Mei 1969 walaupun beliau pernah melalui zaman itu.

Apakah peristiwa sembahyang dua imam oleh Pas sudah dilupai kerana asyik berceramah. Yang terbaru pembunuhan etnik Madura oleh Melayu dan Dayak Indonesia tidak memberi apa-apa kesan kepada perpaduan kaum kita di Malaysia terutama di kalangan orang Melayu sendiri.

Saya tidak menafikan haknya untuk bertukar arah dan angin akibat kegawatan lebih-lebih selepas pelucutan bekas TPM. Janganlah jadi penghasut kerana sikap ini membawa kehancuran seperti yang diwar-warkan beliau dalam ceramahnya yang bertajuk 'Negara Menuju Kehancuran'. Entah daripada perspektif mana penilaian itu, saya kurang arif.

Dr Hassan pernah bercakap mengenai Nobody perfect atau perfectisme tetapi beliau sendiri cuba menjadi orang sempurna jika diberi kuasa memerintah.

Itu maksud tersirat di sebalik ceramahnya. Beliau gunakan keratan akhbar mengenai kemiskinan dan isu Anwar. Lantang bercakap mengenai keadilan. Adakah selama ini kerajaan banyak menindas rakyat untuk memakmurkan ahli politik kerajaan dan kroni-kroni mereka.

Setahu kita, tidak ada seorangpun di kalangan orang Pas perfect selepas dipilih menjadi Adun dan tiada satu kawasan pun yang menjadi golden triangle selepas Pas menerajui Kelantan.

Contoh terdekat ialah isu air di Kelantan. Umno boleh ambil kesempatan dan gunakan isu ini jika mereka mahu membuka pekong Pas tetapi Umno tidak mahu mempolitikkan kelemahan Pas yang sudah diketahui umum apatah lagi dalam pentadbiran mereka. Umno lebih bersikap memahami persaudaraan keislaman daripada Pas sendiri yang mendakwa arif mengenai Islam.

Pembangunan dilihat oleh pembangkang sebagai menguntungkan orang tertentu. Tidakkah mereka sedar dengan mengadakan pembangunan ke sesuatu kawasan berupaya mencetuskan peluang kerja yang banyak.

Saya tidak tahu pendekatan apakah yang ingin digunakan oleh pembangkang

untuk memakmurkan negara dan bagaimanakah cara mereka menyediakan peluang pekerjaan jika mereka diberi peluang memerintah. Apakah mereka rasa teori atas kertas mereka berjaya memulihkan kegawatan ekonomi sekarang? Ramalan terbaru Dr Hassan ialah negara akan dilanda muflis (gawat) sekali lagi.

Mengikut tafsiran mereka hanya dengan meletakkan mereka di atas maka ekonomi negara akan pulih sedangkan kebolehpercayaan mereka langsung tidak terserlah.

Dr Hassan dan Pas mendakwa mereka kini dianggotai kalangan ahli profesional bijak pandai belaka untuk membentuk bayangan kabinet baru negara. Apakah jaminan orang-orang profesional saja boleh menjamin keutuhan negara ini.

Sebaik Dr Hassan renung kembali apa yang pernah beliau luahkan dalam sesi ceramah motivasi beliau di televisyen dan radio bahawa sepuluh orang anak itu belum tentu boleh menyara seorang bapa dengan sempurna sedangkan seorang bapa mahupun ibu sudah terbukti menjaga kepentingan anak-anaknya sehingga mereka dewasa dan berjaya dalam hidup.

Apa yang nampak sekarang ialah Dr Hassan menterbalikkan apa yang pernah beliau perjuangkan. Beliau buat turning point dan banyak hujah beliau tidak relevan dan lapuk.